



ZULKIFLEE melihat replika rumah yang ditawarkan pada Majlis Perasmian Ekspo Perumahan dan Hartanah Melaka (MAPEX) kali ke-2 2023. Foto: MR. AZLI

Aplikasi teknologi hijau dalam pembinaan kediaman

Fiqa Jamal

BANDARAYA MELAKA - Kerajaan Negeri menggalakkan semua pemaju perumahan untuk mengaplikasikan teknologi hijau dalam setiap sektor pembinaan ke arah pembangunan sosioekonomi lestari di Melaka.

Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Zulkiflee Mohd Zin turut menyeru supaya pemaju di negara ini melabur dalam teknologi baharu pembinaan rumah.

Katanya, ia kerana telah ada kilang bahan binaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang dapat dipasang dengan cepat dan mengurangkan kos pembinaan.

"Sebagai contohnya, pemaju boleh bangunkan premis kediaman dengan pemasangan panel solar termasuk di premis perniagaan yang bersesuaian.

"Pemaju perumahan kini bukan hanya sekadar menyediakan rumah sahaja tetapi juga perlu bertanggungjawab dalam membangunkan rumah yang berkualiti, berinovatif dan mesra alam mengikut penderaan masa serta keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sekali gus merasmikan Majlis Perasmian Ekspo Perumahan dan Hartanah Melaka (MAPEX) kali ke-2 2023 mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di sebuah pusat beli-belah, di sini, 3 November lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, Allex Seah Shoo Chin; Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka (LPM), Mohd Salleh Hamidom dan Pengerusi Penganjur MAPEX kali ke-2 2023, Datuk Ngoh Chun How.

Mengulas lanjut, Zulkiflee berkata, kolaborasi dan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan pihak berkepentingan industri dapat mengatasi cabaran dalam sektor perumahan dan hartanah di negeri ini.

"Jalinan kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan pihak berkepentingan termasuk pemaju, profesional sektor hartanah dan organisasi masyarakat menerusi bengkel atau dialog secara berkala dapat membantu mengenal pasti model baharu, idea, kekangan dan penyelesaian untuk mengatasi cabaran yang berkaitan dengan aksesibiliti perumahan, kelestarian dan kualiti," katanya.

Untuk rekod, ekspo yang berlangsung selama enam hari bermula 31 Oktober hingga 5 November lalu menawarkan sebanyak 3,874 unit hartanah dengan harga jualan serendah RM90,000.